

NO. SOALAN: 106

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY [KOTA
KINABALU]

TARIKH : 07.08.2017

SOALAN : 115

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasil siasatan skandal rasuah Jabatan Air Sabah yang membabitkan projek bernilai RM3.3 bilion. Berapakah jumlah wang yang dapat dikesan dan dirampas setakat ini.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman YB Kota Kinabalu, hasil daripada siasatan terhadap Jabatan Air Negeri Sabah oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), 3 orang telah dihadapkan ke mahkamah

atas 37 pertuduhan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram (Akta 613).

Jumlah wang yang dapat dikesan dan dirampas adalah lebih kurang RM145 juta.

Sekian, terima kasih.